

ISU TANAH WAKAF TERBIAR DAN PERANAN NAZIR MENURUT UNDANG-UNDANG ISLAM DAN UNDANG- UNDANG WAKAF DI MALAYSIA

THE ISSUES OF ABANDONED WAKAF LAND AND THE ROLE OF NAZIR ACCORDING TO ISLAMIC LAW AND WAKAF LAW IN MALAYSIA

Rahmawati Mohd Yusoff¹
Mohammad Hidir Baharudin²
Norintan Wahab³
Rosnani Mohd Salleh⁴
Siti Mariam Atan⁵

¹Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, Malaysia,
(Email: rahmawatimy@uitm.edu.my)

²Calon Pelajar Doktor Falsafah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Malaysia,
(E-mail: mohammadhidirbaharudin@gmail.com)

³Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, Malaysia,
(Email: norin210@uitm.edu.my)

⁴Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, Malaysia,
(Email: rosna243@uitm.edu.my)

⁵Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, Malaysia,
(Email: sitim223@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 8-2-2021
Revised date : 9-2-2021
Accepted date : 1-4-2021
Published date : 1-4-2021

To cite this document:

Rahmawati, Mohammad Hidir, Norintan, Rosnani, & Siti Mariam (2021). Isu Tanah Wakaf Terbiar dan Peranan Nazir Menurut Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Wakaf Di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(35), 109 - 119.

Abstrak: Malaysia adalah antara negara yang mempunyai banyak tanah wakaf. Umum mengetahui nazir bagi tanah wakaf adalah Majlis Agama Negeri, namun persoalan timbul mengapa isu tanah wakaf terbiar amat banyak pada masa ini. Ini adalah kerana pembangunan tanah wakaf terletak di bawah tanggungjawab Majlis Agama Negeri. Justeru itu, artikel ini akan membincangkan mengenai isu tanah wakaf terbiar serta peranan nazir dalam membangunkan tanah wakaf mengikut perundangan Islam dan perundangan di Malaysia. Perbincangan dalam artikel ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif di mana isu masalah ini akan diteliti menurut perspektif al-Quran dan Sunnah. Selain daripada itu, rujukan juga akan dibuat melalui undang-undang di Malaysia melalui akta dan enakmen-enakmen yang berkaitan. Hasil kajian menunjukkan bahawa peranan nazir telah dijelaskan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam bagi setiap negeri. Malahan pembangunan tanah wakaf juga ada disebut di dalam Enakmen Wakaf bagi negeri yang berkaitan. Justeru itu, para nazir hendaklah lebih progresif dalam membangunkan tanah wakaf kerana isu tanah wakaf terbiar menyalahi prinsip agama Islam.

Kata Kunci: Tanah Wakaf Terbiar, Peranan Nazir, Enakmen Pentadbiran Agama Islam, Enakmen Wakaf.

Abstract: Malaysia is one of the countries that has a lot of waqf land. The nazir for waqf land is the State Religious Council, nevertheless, the question arises is why the issue of waqf land is so much abandoned at this time. This is because the development and the management of waqf land is under the responsibility of the State Religious Council. Hence, this paper aims to analyse the issue of idle waqf land as well as the role of nazir in developing waqf land according to Islamic law and statutory legislation in Malaysia. The discussion adopts the qualitative research method by examining the perspective of the Quran and Sunnah. The issues are also examined through the governing statutes and enactments in Malaysia. This paper finds that the role of nazir has been explained in the Islamic Religious Administration Enactment for each state. In fact, the development of waqf land is also mentioned in the Waqf Enactment for the relevant state. Hence, the nazir should be more progressive in developing waqf land because the issue of abandoned waqf land violates the principles of Islam.

Keywords: Abandoned Waqf Land, Role of Nazir, Islamic Religious Administration Enactment, Waqf Enactment.

Pendahuluan

Pada masa kini, Malaysia telah dikategorikan sebagai salah satu negara yang membangun di mana projek pembangunan dapat dilihat di mana-mana sahaja di negara ini. Walau bagaimanapun, Malaysia juga berhadapan dengan masalah kerana banyak tanah wakaf yang terbiar serta tidak dibangunkan. Jika tidak diatasi, masalah ini akan membawa kerugian kepada negara umumnya serta kepada umat Islam khususnya. Masalah tanah wakaf terbiar ini berpunca daripada sistem perancangan dan pengurusan yang harta wakaf yang tidak efektif sehingga mengakibatkan pembangunan harta wakaf terhalang. Pembangunan harta wakaf merupakan titik kuasa yang amat penting kerana harta wakaf ini memiliki potensi yang besar untuk pembangunan dan penjaan pendapatan (Syed Khalid Rashid, 2017).

Umum mengetahui bahawa pengurusan dan pembangunan tanah wakaf terletak di bawah kuasa dan tanggungjawab nazir iaitu Majlis Agama Islam. Justeru itu, nazir memainkan peranan yang teramat penting dalam membangunkan tanah wakaf di Malaysia agar tanah wakaf ini mampu memberikan impak yang besar dalam usaha meningkatkan tahap ekonomi serta kesejahteraan umat Islam di Malaysia khususnya. Oleh itu, artikel penulisan ini akan membincangkan mengenai isu tanah wakaf terbiar serta peranan nazir dalam membangunkan tanah wakaf mengikut perundangan Islam dan perundangan di Malaysia. Perbincangan dalam artikel ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif di mana isu masalah ini akan diteliti menurut perspektif al-Quran dan Sunnah, dan juga akan dibuat melalui undang-undang di Malaysia melalui akta dan enakmen-enakmen yang berkaitan.

Isu Tanah Wakaf Terbiar

Statistik menunjuk masih banyak harta tanah wakaf di Malaysia yang belum diterokai serta dibangunkan sepenuhnya memandangkan masih terdapat banyak harta tanah wakaf yang masih terbengkalai. Sebagai contoh, rekod menunjukkan sebanyak 11,091.82 hektar yang terdiri daripada wakaf am dan wakaf khas masih lagi terbiar dan tidak dibangunkan (My Metro, 2016). Seiring dengan peningkatan jumlah penduduk di Malaysia serta kos sara hidup yang semakin tinggi sekarang ini, alangkah baiknya jika tanah wakaf ini dapat dikembangkan dan

dibangunkan yang mana hasil keuntungannya dapat digunakan untuk membantu rakyat bagi mengurangi kesulitan mereka.

Wakaf boleh dikategorikan sebagai sumber ekonomi utama bagi umat Islam yang perlu dieksploitasi sepenuhnya kerana, jika harta wakaf ini diuruskan dengan betul, ia akan menghasilkan pendapatan yang menguntungkan semua pihak (Siti Nadiah Mohd Ali et al., 2016), termasuk golongan bukan Islam juga. Selain itu, pembangunan tanah wakaf juga dapat memacu aktiviti ekonomi dan meningkatkan nilai aset hartanah wakaf itu sendiri. Oleh itu, pembangunan tanah wakaf di Malaysia seharusnya tidak hanya tertumpu kepada pembangunan masjid dan tanah perkuburan, tetapi mengambil penanda aras daripada pembangunan harta tanah wakaf di negara lain ataupun negeri-negeri lain di Malaysia yang lebih membangun, terbuka dan terkedepan dari sudut pembangunan harta tanah wakaf (Siti Nadiah Mohd Ali et al., 2016).

Terdapat banyak cadangan dan penulisan yang telah dibentangkan bagi perancangan untuk membangunkan tanah wakaf ini dalam usaha untuk meningkatkan nilai keuntungan kepada negara. Sumber wakaf harus digunakan semaksima mungkin untuk membantu kerajaan dalam menyediakan dan memenuhi keperluan masyarakat. Pembangunan wakaf tidak hanya tertumpu pada aktiviti keagamaan sahaja, tetapi juga mempunyai sumbangan besar dalam perkhidmatan sosial. Oleh itu, terdapat beberapa skim dalam pembangunan wakaf antaranya pendidikan, kesihatan, pembangunan masjid dan madrasah, penjagaan sosial dan kebajikan, perdagangan, persekitaran, infrastruktur, serta budaya dan warisan (Anwar Allah Pitchaya et al., 2014).

Selain itu, seiring dengan peningkatan jumlah penduduk di Malaysia serta kos sara hidup yang semakin tinggi sekarang ini, adalah amat wajar jika tanah wakaf ini dapat dikembangkan dan dibangunkan yang mana hasil keuntungannya dapat digunakan untuk membantu rakyat.

Di samping itu, terdapat juga ciri-ciri khas tanah wakaf jika dibandingkan dengan jenis tanah lain yang mana ciri ini menghalang sesetengah perancangan pembangunan yang hendak dilakukan. Tanah wakaf mempunyai syarat 'kekal' yang bermaksud bahawa Majlis Agama Islam Negeri akan kekal sebagai pemilik tanah selama-lamanya. Namun, pembangunan tanah wakaf masih dapat dicapai melalui banyak mekanisme lain. Contohnya, konsep al-ijarah boleh dilaksanakan bagi skim perumahan di tanah wakaf yang mana pembeli akan mendapat pajakan 99 tahun di rumah mereka. Pembangunan juga dapat dilakukan melalui usaha sama dengan Majlis Agama Islam Negeri dalam bentuk Mudarabah (pembahagian untung dan rugi) atau musharakah (perkongasian) (Abdul Hamid Mar Iman et al., 2014). Selain itu, konsep keuntungan samada keuntungan berbentuk nilai duit, ataupun manfaat juga perlu diberi perhatian kerana pembangunan tanpa keuntungan dibimbangi akan merugikan pembangunan tanah wakaf itu.

Sebagai rujukan, pembangunan tanah wakaf di Pulau Pinang boleh dibuat penanda aras kepada negeri-negeri lain di Malaysia. Ini adalah kerana wakaf di bawah Majlis Agama Pulau Pinang masih termaktub di bawah bidang kuasa Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004. Namun, pembangunan tanah wakaf di Pulau Pinang amat rancak dan rakyat negeri itu mendapat banyak kelebihan daripada pembangunan tersebut.

Oleh itu, kertas kajian adalah berkisar mengenai peranan nazir dalam institusi wakaf di berpandukan undang-undang Syariah Islam dan undang-undang di Malaysia. Diharapkan melalui kertas kajian ini, peranan nazir dalam institusi wakaf semakin jelas dan elemen-elemen

produktif, aktif, progresif, dan berdaya saing dapat diterapkan oleh nazir di seluruh Malaysia dalam usaha merencanakan lagi usaha pembangunan tanah wakaf yang seterusnya akan menukar tanah wakaf yang terbiar ini menjadi aset nilai komersial yang akan membawa kepada kesan positif dan elemen produktif yang akan menghasilkan faedah ekonomi dan sosial untuk kelestarian pertumbuhan sosio-ekonomi negara Malaysia.

Peranan Nazir Dan Pembangunan Tanah Wakaf Mengikut Perundangan di Malaysia

Di Malaysia, peruntukan undang-undang memperuntukkan bahawa tanah di Malaysia ditadbir oleh Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56). Kanun Tanah Negara 1965 digubal untuk mencapai keseragaman undang-undang dan pentadbiran urusan tanah di Malaysia terutama yang bersesuaian dengan Sistem Torrens (Ainul Jaria Maidin et al., 2008). Kanun Tanah Negara 1965 pada asasnya memperuntukkan urusan berkaitan dengan tanah, penggunaan tanah, dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Pemakaian Kanun Tanah Negara 1965 adalah terhad di negeri-negeri Semenanjung Malaysia, Kanun Tanah Sabah (Cap. 68) mentadbir hak milik tanah di Sabah manakala hak milik tanah di Sarawak ditadbir oleh Kanun Tanah Sarawak (Cap. 81) (Jayasuriya, Tan Sri Thomas, 1989).

Di bawah undang-undang Malaysia, wakaf merujuk kepada penyerahan mana-mana harta yang mana penggunaan atau manfaatnya boleh digunakan untuk tujuan amal, tetapi tidak termasuk amanah seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 (Syed Khalid, 2017). Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa undang-undang Islam terpakai dalam urusan wakaf dan institusi wakaf di Malaysia dan telah diletakkan di bawah bidang kuasa negeri berdasarkan Perkara 1, Senarai 2, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan sebagaimana berikut:

“Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, nafkah, pengambilan anak angkat, kesahtarafan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah dan institusi khairat yang dijalankan semuanya sekali dalam negeri, adat istiadat Melayu, zakat, fitrah, baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya, masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan, dan acara bagi Mahkamah-mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan, mengawal perkembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.”

Wakaf juga disebut di dalam seksyen 4(2) Kanun Tanah Negara 1965 yang menyatakan bahawa:

“(2) Kecuali jika dinyatakan secara tegas sebaliknya, tidak ada dalam Akta ini yang mempengaruhi ketentuan-
(e) mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa yang berkaitan dengan wakaf atau bait-ul-mal;”

Di peringkat Persekutuan, JAWHAR (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji) telah ditubuhkan pada tahun 2004 untuk mengawasi pengurusan sumber wakaf di seluruh negara. Pada tahun 2006, JAWHAR juga telah menerbitkan Pengurusan Manual Tanah Wakaf sebagai garis panduan rasmi bagi beberapa aspek berkaitan dengan pengurusan tanah wakaf.

Berdasarkan Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan, Badan Perundangan Negara memiliki kuasa untuk membuat peruntukan mengenai wakaf. Justeru itu, enakmen pentadbiran Islam telah dikodifikasikan di setiap negeri untuk mengatur pentadbiran wakaf di Malaysia.

Secara umumnya, hampir setiap Enakmen Penatdbiran Agama Islam di setiap negeri (ataupun Akta bagi Wilayah Persekutuan) mempunyai seksyen yang menyebut mengenai Majlis yang menjadi pemegang tunggal wakaf serta peletakhakan harta wakaf pada Majlis yang berbunyi:

“Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal
(a) semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas;
(b) semua nazr am; dan
(c) segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak,
bagi apa-apa harta yang tersentuh oleh wakaf, nazr ‘am atau amanah itu dan terletak.”

“Semua harta yang tertakluk kepada seksyen yang disebut di atas, hendaklah tanpa apa-apa pindah hak, serah hak atau pindah hakmilik, dan, dalam hal harta tak alih sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah, terletak hak pada Majlis, bagi maksud wakaf, nazr ‘am atau amanah yang menyentuh harta itu.”

Senarai seksyen yang menyebut mengenai peranan Nazir seperti di atas dapat dilihat dalam senarai yang disediakan di bawah ini.

Jadual 1: Senarai Enakmen Berkaitan Dengan Tugas Nazir Terhadap Harta Wakaf

No.	Enakmen/Akta	Seksyen
1.	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003	89, 90
2.	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993	61, 62
3.	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008	52, 53
4.	Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994	61, 62
5.	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002	77, 78
6.	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003	89, 90
7.	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pahang)	70, 71
8.	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004	89, 90
9.	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004	78, 79
10.	Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis)	89, 90
11.	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003	89, 90
12.	Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 2001 (Terengganu)	63, 64
13.	Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992 Sabah	45, 46

Namun, Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 mempunyai seksyen yang agak berlainan sedikit mengenai peranan nazir melalui Seksyen 44 yang menyebut:

Pelaburan dalam harta tak alih.

Lembaga Baitulmal dan Wakaf hendaklah, untuk dan bagi pihak Majlis, mempunyai kuasa:

- a) untuk melaburkan dari semasa ke semasa wang atau aset Baitulmal untuk faedah Majlis di dalam mana-mana daripada pelaburan yang berikut:
 - i. untuk membeli, menukar-ganti, mensubpajakkan dan memegang tanah, bangunan dan lain-lain harta tak alih;
 - ii. untuk membina rumah, rumah pangsa, tenemen, kedai, rumah kedai atau apa-apa bangunan lain;
 - iii. untuk menjual tanah, rumah, rumah pangsa, tenemen, kedai, rumah kedai atau apa-apa bangunan lain;
 - iv. untuk melabur dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti yang pada masa itu dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis berkenaan dengan pemelaburan dana amanah dan oleh Undang-Undang Islam; dan
 - v. untuk melabur dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti lain yang dibenarkan oleh Majlis; dan
- b) untuk mengubah-ubahkan atau menghasilkan pelaburan dari semasa ke semasa dan menggunakan khidmat jurubank Baitulmal atau mana-mana agensi lain yang diluluskan oleh Majlis untuk melaburkan wang Baitulmal.

Di Malaysia, terdapat lima buah negeri, iaitu Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, dan Terengganu yang mempunyai perundangan khusus berkaitan wakaf sepertimana berikut:

- i. Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015
- ii. Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005
- iii. Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005
- iv. Enakmen Wakaf (Perak) 2015
- v. Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016

Di dalam Enakmen-enakmen Wakaf di atas, didapati Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 dan Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 lebih khusus dan terkedepan dalam isu pembangunan tanah wakaf seperti di bawah ini:

Kuasa Majlis untuk istibdal

Majlis boleh mengistibdalkan apa-apa mawquf tertakluk kepada seksyen di dalam enakmen.

Istibdal mawquf.

- 1) Tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa, Majlis boleh mengistibdalkan mana-mana mawquf dalam hal keadaan yang berikut:
 - a) jika mana-mana syarat wakaf tidak selaras dengan mana-mana undang-undang bertulis;
 - b) jika mawquf diambil oleh mana-mana pihak berkuasa mengikut mana-mana undang-undang bertulis;
 - c) jika kegunaan mawquf tidak mendatangkan manfaat atau kepentingan sebagaimana yang dikehendaki oleh waqif;
 - d) jika kegunaan mawquf tidak menepati tujuan wakaf;
 - e) jika mana-mana syarat yang ditetapkan oleh waqif tidak dapat dilaksanakan disebabkan berlalu masa atau berlaku perubahan keadaan;
 - f) jika Majlis hendak mengistibdalkan masjid atau tapak masjid yang telah menjadi mawquf;
 - g) jika mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh waqif tidak dapat dilaksanakan dan Majlis berhasrat untuk melaksanakan wakaf itu dengan cara yang sehemipir mungkin sama dengan syarat yang ditetapkan oleh waqif; atau
 - h) dalam hal keadaan lain yang difikirkan perlu oleh Majlis.
- 2) Nilai mawquf yang diperoleh melalui istibdal hendaklah tidak kurang daripada nilai semasa mawquf asal.
- 3) Majlis hendaklah mengistibdalkan apa-apa mawquf sama ada keseluruhan atau sebahagiannya dalam tempoh yang munasabah.

Mawquf wakaf khas terbiar

Majlis boleh, setelah merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa, mentadbir dan mengurus mawquf bagi wakaf khas yang terbiar mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

Terdapat juga Seksyen 8 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 mengenai perwakilan kewajipan atau kuasa Majlis seperti di bawah:

- 1) Majlis boleh, melalui ketetapan, dan tertakluk kepada syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh Majlis, mewakilkan kepada Perbadanan penunaian mana-mana kewajipannya atau penjalanan mana-mana kuasanya di bawah Enakmen ini.

Selain itu, Seksyen 9 dan 10 Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 membincangkan mengenai penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Wakaf dan fungsi Jawatankuasa ini seperti di bawah:

Seksyen 9

- 1) Majlis hendaklah menubuhkan suatu “Jawatankuasa Pengurusan Wakaf” yang bertanggungjawab dalam pentadbiran dan pengurusan semua perkara yang berhubungan dengan wakaf di bawah Enakmen ini.

Seksyen 10

Jawatankuasa hendaklah mempunyai fungsi-fungsi seperti yang berikut:

- a) menjalankan apa-apa arahan, dasar atau keputusan yang dibuat oleh Majlis berhubung dengan wakaf;
- b) mengawalselia dan memantau pengurusan, pelaksanaan, pembangunan dan pelaburan wakaf;
- c) menasihati dan membuat syor kepada Majlis dalam hal ehwal pengurusan, pelaksanaan, pembangunan dan pelaburan wakaf;
- d) menasihati Majlis dalam pentadbiran Kumpulan Wang Wakaf; dan
- e) menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Enakmen ini atau yang diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Melalui enakmen-enakmen perundangan di atas, tugas nazir telah dijelaskan secara terperinci di dalam Enakmen Pentadbiran Islam di setiap negeri yang antaranya adalah untuk membangunkan tanah wakaf. Manakala, pembangunan tanah wakaf juga telah dihurai dalam Enakmen-enakmen Wakaf bagi negeri yang terbabit. Oleh itu, tidak dapat tidak, nazir bagi setiap negeri perlu menjalankan tugasnya dengan lebih progresif agar isu tanah wakaf terbiar tidak lagi timbul.

Tugas Nazir Mengikut Perundangan Islam

Ulama bersepakat bahawa orang yang berwakaf itu sendiri lebih afdhal untuk mengawal dan mengawasi harta yang diwakafkannya samada wakaf itu untuk dirinya sendiri atau untuk orang lain (Wahbah Zuhaili, n.d).

Menurut perundangan Islam, tugas nazir kepada harta wakaf ini ketika mana beliau diberikan amanah dan tanggungjawab ini adalah untuk menjaga harta wakaf tersebut, membaikinya, menyewakannya, menanam atau membela haiwan di atasnya, serta memperoleh hasil daripada tanah wakaf tersebut. Nazir harta wakaf ini juga harus berusaha sedaya-upaya untuk mengembangkan harta wakaf dan membangunkannya serta menyerahkan hasil-hasil yang diperolehinya kepada penerima yang berhak (Wahbah Zuhaili, n.d).

Oleh itu, berdasarkan kepada penerangan di atas, nazir harta wakaf memikul tanggungjawab dan amanah yang besar kerana mereka bukan sahaja memegang tanah wakaf itu semata-mata, tetapi mereka haruslah berusaha untuk mengembangkan dan membangunkan tanah wakaf tersebut supaya hasil yang diperolehi daripada tanah wakaf tersebut dapat disalurkan dan dibahagikan kepada penerima yang berhak.

Dalam konteks undang-undang di Malaysia, nazir harta wakaf adalah Majlis Agama Islam Negeri bagi setiap negeri. Justeru itu, semua Majlis Agama Negeri bertanggungjawab untuk membangunkan tanah wakaf di bawah jagaan mereka kerana jika tidak, perbuatan mereka dikira menyalahi prinsip undang-undang Islam seperti yang akan dihuraiakan di bawah.

Pertama, tanah wakaf yang tidak dibangunkan dianggap tidak mematuhi konsep dan teori maqasid syariah dalam prinsip melindungi harta (al-mal). Ini adalah kerana tujuan sesebuah tanah diwakafkan supaya ianya boleh digunakan dan hasil daripadanya dinikmati oleh orang ramai ataupun penerima yang berhak. Namun demikian, elemen produktif dalam tanah yang diwakafkan tidak dapat ditingkatkan serta tidak dapat memberi manfaat samada dari segi faedah ekonomi, sosial dan sebagainya. Allah berfirman:

Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa; Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. (Al-Baqarah, 2: 2-3).

Kedua, tanah wakaf yang terbiar tidak dapat memberikan hasil yang dapat dinikmati oleh orang ramai dan ini bertentangan dengan konsep al-rawaj. Al-rawaj bermaksud harta tersebut mesti digunakan dan tidak boleh dibiarkan agar ramai orang dapat memperoleh manfaat dan kebaikan daripada harta tersebut (Wuzarah Al-Awqaf wa Al-Shuun Al-Islamiyyah, 1404-1427H). Allah telah menekankan konsep al-rawaj dalam Islam melalui ayat:

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.” (At-Taubah, 9:34)

Jabir berkata bahawa Rasulullah s.a.w bersabda kepada seorang lelaki:

“Mulakan dengan dirimu dan berikan amal jariah. Sekiranya ada yang lebihan, maka belanjakan untuk keluarga anda. Sekiranya ada yang lebihan, belanjakannya kepada saudara-mara anda. Sekiranya ada yang lebihan, belanjakan seperti ini dan seperti itu (iaitu, untuk pelbagai tujuan kebajikan.” (Riwayat Muslim)

Nabi s.a.w juga bersabda:

“Wahai anak Adam! Sekiranya engkau membelanjakan apa sahaja yang anda dapat, itu lebih baik; tetapi jika engkau menyimpannya, ini akan menjadi lebih buruk bagimu. Engkau tidak akan dipersalahkan untuk apa sahaja yang hampir tidak mencukupi.” (Riwayat Muslim)

Yang ketiga, tanah wakaf terbiar juga termasuk dalam kategori pembaziran yang amat ditegah dalam Islam. Allah berfirman:

Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. (Al-Isra', 17: 26).

Kesimpulan

Oleh itu, dapat disimpulkan di sini, isu tanah wakaf terbiar perlu diatasi segera kerana ianya mendatangkan kerugian kepada negara, malahan umat Islam itu sendiri. Selain itu, nazir menggalas tanggungjawab dan amanah yang besar bagi membangunkan tanah wakaf ini. Justeru itu, nazir haruslah lebih produktif, berdaya saing, kreatif kerana pembangunan tanah wakaf boleh dilakukan dengan banyak cara antaranya usahasama Majlis Agama Negeri dengan mana-mana syarikat pembangunan dan kaedah istibdal. Selain itu, Majlis Agama Negeri juga boleh menjadikan pembangunan tanah wakaf di negara-negara luar seperti Turki dan Singapura sebagai penanda aras dalam merencanakan lagi pembangunan tanah wakaf di Malaysia.

Penghargaan

Penyelidikan ini ditaja oleh Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor di bawah Skim Geran Bestari yang bertajuk: The Sustainability and Management of Waqf's Properties in Johor: An Analysis 600-TNCPI 5/3/DDN (01) (023/2020).

Rujukan

- Abdul Hamid Mar Iman, Mohammad Tahir Sabit Mohammad. (2014). *Waqf Property: Concept, Management, Development, and Financing*. UTM, 2014.
- Ainul Jaria Maidin et al. (2008). *Principles of Malaysian Land Law*. Malaysia: Malaysian Law Journal Sdn. Bhd.
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993
- Al-Zuhayli, Wahbah ibn Mustafa. (n.d). *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuh*. Dimashq: Dar Al-Fikr.
- Anwar Allah Pitchaya , Ahamed Kameel Mydin Meerab , Muhammad Yusuf Saleem. (2014). Priority of Waqf Development among Malaysian Cash Waqf Donors: An AHP Approach. *Journal of Islamic Finance*, Jil. 3 No. 1, 013 – 022.
- Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis)
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 2001 (Terengganu)
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pahang)
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992 Sabah
- Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005
- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015
- Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005
- Enakmen Wakaf (Perak) 2015 (En. 9/2015)
- Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016
- Jayasuriya, Tan Sri Thomas. (1989). Chapter 12 “Development of Land Law in Sabah.” Di dalam Ahmad Ibrahim dan Sihomboing J. *The Centenary of the Torrens System in Malaysia*. MLJ.
- Kanun Tanah Negara 1965
- Mooney, Dato’ Peter. (1989) Chapter 14 “Land Law in Sarawak.” Di dalam Ahmad Ibrahim dan Sihomboing J. *The Centenary of the Torrens System in Malaysia*. MLJ.

- Nasrul Hisyam Nor Muhamada, Abdul Hafiz Abdullaha, Sulaiman Shakib Mohd Noora, Mohd Rilizam Rosli. (2019). Wakaf Di Negeri Johor: Latar Belakang Dan Potensi (Waqf In State Of Johor: Background And Potential). *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, Jil. 6, no.2 – 2, pp. 01 - 12.
- Perlembagaan Persekutuan
- Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader (2016). Kerangka Undang-Undang Pengurusan Wakaf Di Malaysia: ke Arah Keseragaman Undang-Undang. *Kanun*, 28(1), 101-126.
- Siti Mashitoh Mahamood (2006). Perundangan Wakaf dan Perkara-Perkara Berbangkit. Kertas kerja dalam Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006. Anjuran Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Legend Hotel, Kuala Lumpur.
- Siti Nadiah Mohd Ali, Abdul Halim Mohd Noor, Noraini Johari, Nurul Sahida Fauzi, Nor Nazihah Chuweni, Nor Rashidah Paujah Ismail. (2016). Hungry for Housing: Waqf Real Estate Development - A Social Welfare Alternative. *MATEC Web of Conferences*, Jil.. 66, 00068, Persidangan International Building Control 2016 ke-4 (IBCC 2016).
- Siti Salmiah A Hamid. (29 Januari 2016). 11,091.82 hektar tanah wakaf. *MyMetro*, <https://www.hmetro.com.my/node/111064>
- Syed Kalid Rashid. (2017). *Waqf Laws and Management*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Wuzarah Al-Awqf wa Al-Shuun Al-Islamiyyah. (1404-1427H). *Al-Mawsuaah Al-Fiqqiyyah Al-Kuwaitiyyah*. Egypt: Mutai' Dar Al-Safwah.